



Ruj. Kami: KKM.100-1/6/3 Jld.2 (19)

Tarikh: 24 Oktober 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Tuan/ Puan,

ARAHAN KEHADIRAN BERTUGAS PEGAWAI KEMENTERIAN KESIHATAN DI NEGERI SELANGOR, SABAH, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Tuan/ Puan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana pengumuman oleh YB. Menteri Kanan Pertahanan pada 20 Oktober 2020, Kerajaan menerusi Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara telah membuat keputusan bahawa pekerja sektor awam dan sektor swasta di peringkat pengurusan dan pengawasan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan serta negeri Selangor dan Sabah tidak perlu hadir ke pejabat dan hanya Bekerja Dari Rumah. Susulan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan surat edaran; rujukan: JPA. SARAAN (S) 256/6/31 JLD. 7(2) bertarikh 21 Oktober 2020 yang menjelaskan pelaksanaan keputusan ini bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

3. Selaras dengan keputusan ini serta bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan sebagai perkhidmatan penting terus berjalan lancar dan tidak terjejas, pelaksanaan di peringkat Kementerian Kesihatan adalah seperti berikut:

- (a) Ketua Jabatan hendaklah menggunakan **budi bicara dan kebijaksanaan** dalam menentukan mana-mana pegawai yang perlu bekerja di pejabat dan fasiliti kesihatan atau Bekerja Dari Rumah sama ada secara penggiliran atau sepenuh masa. Ini kerana skop tugas di pejabat dan fasiliti kesihatan adalah unik dan berbeza-beza yang mana Ketua Jabatan lebih memahami keperluan perkhidmatan di peringkat masing-masing;
- (b) Ketua Jabatan hendaklah memastikan skop tugas yang penting dan tidak boleh ditangguh diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam hal ini, Ketua Jabatan boleh mengenal pasti pegawai yang perlu hadir ke pejabat dalam satu-satu masa bagi menyelesaikan tugas tersebut;
- (c) Pegawai di peringkat pengurusan dan pelaksana yang bertugas di fasiliti kesihatan seperti hospital dan klinik kesihatan juga merupakan sebahagian daripada petugas di barisan hadapan. Justeru, Ketua Jabatan boleh menentukan hari yang pegawai perlu hadir bertugas dan hari yang pegawai dibenarkan Bekerja Dari Rumah;
- (d) Pegawai yang dibenarkan Bekerja Dari Rumah boleh pada bila-bila masa diarah atau atas inisiatif sendiri hadir, ke

pejabat bagi menyelesaikan kerja-kerja yang hanya boleh diselesaikan di pejabat. Pegawai boleh pulang ke rumah setelah menyelesaikan kerja-kerja tersebut;

- (e) Pegawai tertakluk kepada deskripsi tugas masing-masing hendaklah memastikan setiap skop tugas yang melibatkan kepatuhan kepada peraturan dan prosedur kewangan diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti mengunci masuk permohonan dalam sistem perolehan dan membuat bayaran; dan
- (f) Pegawai yang diluluskan Bekerja Dari Rumah hendaklah berada di rumah dan melaksanakan tugas seperti mana yang ditetapkan.

4. Ketua Jabatan hendaklah sentiasa memastikan pematuhan sepenuhnya kepada semua peraturan, garis panduan dan surat edaran yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

5. Pelaksanaan ini **berkuat kuasa mulai 22 Oktober 2020** sehingga pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat tamat.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN)

s.k.:

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan
Teknikal)

Pengarah Kanan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)

Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)

SUB(KP)

SENARAI EDARAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar
PERLIS

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Jalan Kuala Kedah
05400 Simpang Kuala, Alor Star
KEDAH

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 35 dan 37, KOMTAR
10590 **PULAU PINANG**

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Gantang Wahab
30000 Ipoh
PERAK

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9, 10 & 11, Wisma Sunwaymas
Lot 1, Jalan Persiaran Kayangan
40100 Shah Alam
SELANGOR

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan
Jalan Rasah
70300 Seremban
NEGERI SEMBILAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 3,4 dan 5, Wisma Persekutuan
Jalan Business City, Bandar MITC
75450 Ayer Keroh
MELAKA

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Tingkat 3 & 4, Blok B, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek
80590 Johor Bahru
JOHOR

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan
PAHANG

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20920 Kuala Terengganu
TERENGGANU

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Bayam
15590 Kota Bharu
KELANTAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
93090 Petra Jaya, Kuching
SARAWAK

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 3, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88590 Kota Kinabalu
SABAH

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Jalan Cenderasari
50590 W.P. KUALA LUMPUR

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
Peti Surat 80832
87018 W.P. LABUAN

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
Jalan Pahang
50586 W. P. KUALA LUMPUR

Pengarah
Institut Pengurusan Kesihatan
(Institute For Health Management)
Jalan Rumah Sakit, Off Jalan Bangsar
59000 W.P. KUALA LUMPUR

Pengarah
Institut Kesihatan Umum
Jalan Bangsar
50590 W. P. KUALA LUMPUR

Pengarah
Institut Penyelidikan Perubatan
Jalan Pahang
50588 W. P. KUALA LUMPUR

Pengarah
Institut Perubatan Respiratori
Jalan Pahang
50590 W. P. KUALA LUMPUR

Pengarah
Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC)
Tingkat 3, Bangunan Dermatologi
Hospital Kuala Lumpur
Jalan Pahang
50586 W.P. KUALA LUMPUR

Pengarah
Pusat Darah Negara
Jalan Tun Razak
50400 W.P. KUALA LUMPUR

Pengarah
Agensi Regulatori Farmasi Negara
Lot 36, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
SELANGOR

Pengarah
Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan
Blok B2, Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH)
No.1, Jalan Setia Murni U13/52
Seksyen U13, Bandar Setia Alam
40170 Shah Alam
SELANGOR

Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 1853, Kampung Melayu Sungai Buloh
47000 SELANGOR

Pengarah
Institut Kanser Negara
No. 4, Jalan P7, Presint 7
62250 W.P. PUTRAJAYA

Pengarah
Institut Penyelidikan Tingkah Laku Kesihatan
Jalan Rumah Sakit Bangsar
50590 KUALA LUMPUR

Pengarah
Pusat Kawalan Kusta Negara
Sungai Buloh
47000 SELANGOR